

# Buletin PWS



قريات نن وقف سعی الشور  
PERBADANAN WAKAF SELANGOR  
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

## MAIS 2013

[www.wakafselangor.gov.my](http://www.wakafselangor.gov.my)

BIL. 2 / 2013 • ISSN : 2289-2877  
PERCUMA

## Profesionalisme PENGURUSAN KEWANGAN Wakaf



ms 8 WAKAF SENI  
MAMPU MENGINDAHKAN  
DUNIA SENI

ms 10 KARNIVAL MAHABBAH IKIMfm  
Sempena Bulan Wakaf  
Selangor 2013

inteam Iman & Aman



WAKAF MEMBANGUN UMMAH



## Sidang Editor

### Penaung:

Y.A.D. Dato' Setia Ramli Bin Mahmud

### Penasihat:

Abu Bakar Bin Yang

### Ketua Editor:

Mohd Nasoha Bin Jaiman

### Editor:

Anuar Hamzah Bin Tohar  
Mohd Azmi Bin Misron  
Nor Azlina Binti Masuti  
Anuar Bin Shahuddin  
Mohd Hafiz Bin Ismail  
Ibnu Hubain Bin Abdul Aziz  
Raqeeah Binti Mohamed  
Mohd Huzairi Bin Hamdan  
Nasrun Bin Ahmad  
Muhammad Zulhakimi Bin Mohammad Daner  
Mohd Khairi Ambri Bin Roslan  
Mohd Rusli Bin Alias  
Effendy Bin Alias

## Kandungan

### 4 Penganugerahan Sijil Bersih

Bagi Akaun Korporat Bagi Tahun Berakhir Disember 2012

### 5 PWS Mendapat TIGA BINTANG

Berdasarkan Indeks Akauntabiliti

### 6 Pengurusan Kewangan

Perbadanan Wakaf Selangor

### 8 Wakaf Seni

Mampu Mengindahkan Dunia Seni

### 9 Keistimewaan Berwakaf

### 10 Karnival Mahabbah IKIMfm

Sempena Bulan Wakaf Selangor 2013

### 13 Aktiviti Pemasaran Korporat

### 14 Pemantauan Tanah Wakaf

### 15 Soal Jawab Wakaf

### 16 Cara Menyertai Saham Wakaf Selangor

### 17 Tanah dan Premis Untuk Disewa 2013

### 18 Galeri PWS

# Prakata

## Ketua Editor



# Sekapur Sireh



**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya "Buletin PWS MAIS Bil. 2/2013" dapat menemui sidang pembaca yang dikasihi sekalian.

Sememangnya Allah SWT menyediakan ganjaran yang lumayan kepada orang yang berwakaf. Kesan daripada program yang dijalankan oleh PWS semenjak penubuhan pada tahun 2011, masyarakat umum telah mengetahui dan turut serta untuk menghidupkan amalan berwakaf. Dari semasa ke semasa PWS berusaha untuk mengamalkan pengurusan kewangan dengan telus, profesional dan penuh berintegriti. Ini kerana harta wakaf adalah milik kekal Allah SWT selama-lamanya.

Pada terbitan kali ini, sidang editor akan mengupas berkenaan pengurusan kewangan yang diamalkan oleh PWS. Pengurusan kewangan ini melibatkan pengurusan Akaun Wakaf Am dan Akaun Wakaf Khas. Semoga maklumat yang disampaikan akan menambah keyakinan masyarakat di Selangor untuk terus berwakaf di PWS.

"Wakaf Membangun Ummah"

**Mohd Nasoha Bin Jaiman**

Ketua Editor

Buletin PWS MAIS

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat-Nya juga kerana izin-Nya, penerbitan "Buletin PWS MAIS Bil. 2/2013" dapat dilaksanakan dengan informasi yang bermanfaat.

Peredaran waktu sangat pantas berlalu sehingga kita tidak menyedari bahawa kita telah sampai ke penghujung tahun 2013. Pelbagai program telah dirangka sepanjang tahun 2013 bagi memastikan masyarakat di Selangor dapat menghayati pengertian wakaf yang sebenar. Sumbangan wakaf yang diterima ini mudah-mudahan dapat memperkasakan lagi ekonomi umat Islam keseluruhannya.

Sehubungan dengan itu, PWS sentiasa memastikan pengurusan kewangan yang diamalkan adalah telus. Oleh kerana itu, Jabatan Audit Negara telah menganugerahkan Sijil Bersih kepada Laporan Kutipan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Wakaf serta Penyata Kewangan Korporat PWS Tahun Berakhir 2012.

Justeru itu, diharapkan dengan penerbitan buletin ini mampu meyakinkan lagi masyarakat umum tentang kehebatan berwakaf. Kejarnlah pahala sebagaimana janji Allah SWT yang akan memberikan keistimewaan di dunia dan akhirat kepada orang yang berwakaf.

Terima Kasih, Wassalam.

**Abu Bakar Bin Yang**

Ketua Pegawai Eksekutif

# PENGANUGERAHAN SIJIL BERSIH

Bagi Akaun Korporat  
Bagi Tahun Berakhir  
**Disember 2012**

Jabatan Audit Negara (JAN) melalui sebuah firma audit swasta yang dilantik iaitu Tetuan Anuarul Azizan Chew & Co. telah menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan PWS bagi tahun 2012. Ini merupakan tahun kedua pengauditan kewangan PWS dilaksanakan. Tumpuan pengauditan adalah terhadap Laporan Kutipan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Wakaf serta Penyata Kewangan Korporat PWS. Pengauditan dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang telah diluluskan.

Bagi Akaun Korporat Bagi Tahun Berakhir Disember 2012, PWS sekali lagi dianugerahkan dengan Sijil Bersih oleh Ketua Audit Negara yang menunjukkan bahawa kedudukan kewangan PWS adalah benar dan saksama serta selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Penganugerahan ini telah disempurnakan dalam sebuah majlis yang berlangsung pada 31 Julai 2013 lalu di pejabat Jabatan Audit Negara, Putrajaya yang dihadiri wakil-wakil dari JAN Selangor, Tetuan Anuarul Azizan Chew & Co. dan juga wakil pegawai daripada PWS. Penganugerahan ini sememangnya penting sebagai bukti bahawa PWS mengamalkan pengurusan kewangan dengan penuh integriti dan profesional.

Bagi Akaun Korporat Bagi Tahun Berakhir Disember 2012, PWS sekali lagi dianugerahkan dengan Sijil Bersih oleh Ketua Audit Negara yang menunjukkan bahawa kedudukan kewangan PWS adalah benar dan saksama serta selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.



# PWS Mendapat *Tiga Bintang* Berdasarkan Indeks Akauntabiliti



Pengauditan berdasarkan *Accountability Index* (AI) telah diperkenalkan Jabatan Audit Negara (JAN) bertujuan memudahkan pengukuran kualiti dan prestasi secara objektif terhadap pengurusan kewangan sesebuah jabatan atau agensi kerajaan. Ini amat bertepatan dengan saranan kerajaan yang ingin mewujudkan sistem pengukuran berdasarkan "star rating" bagi menilai prestasi pengurusan kewangan institusi-institusi tersebut seterusnya menerapkan budaya kerja berdasarkan "best practices" dalam perkhidmatan awam.

Antara objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan serta kawalan dalaman yang berkesan di PWS. Berbeza dengan pengauditan penyata kewangan yang lebih bersifat kuantitatif, pengauditan berdasarkan AI ini lebih menumpukan aspek kualitatif. Prestasi pengurusan tersebut kemudiannya diterjemah ke

dalam bentuk markah dan seterusnya dinilaikan dengan penarafan bintang.

Ini merupakan kali pertama pengauditan berdasarkan AI dilaksanakan terhadap pengurusan kewangan PWS. Sebanyak lapan elemen telah dinilai dan diberi markah iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, Kawalan Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor, Pengurusan Pelaburan, dan Pengesahan Penyata Kewangan.

Untuk pengauditan kali ini, PWS telah diberi penarafan "3 Bintang" oleh JAN dalam satu majlis yang telah diadakan di Shah Alam Convention Centre pada 30 Mei 2013. Semoga prestasi PWS akan terus meningkat ke tahap yang lebih baik lagi dalam membangun dan memperkasa pengurusan wakaf pada masa akan datang.

Markah	Tahap	Penarafan
90 – 100	Sangat baik	★★★★★
70 – 89	Baik	★★★★
50 – 69	Memuaskan	★★
49 ke bawah	Tidak memuaskan	★



## **Pengurusan Kewangan**

### Perbadanan Wakaf Selangor

**B**ahagian Kewangan merupakan salah satu Bahagian PWS yang diwujudkan dalam carta organisasi yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Khas Jawatankuasa Sumber Manusia MAIS pada 2 Mac 2011. Bahagian ini terdiri daripada dua unit iaitu Unit Operasi/Belanjawan dan Unit Akaun. Unit operasi bertanggungjawab dalam menguruskan perkara yang melibatkan transaksi terimaan, bayaran dan pelaburan dan belanjawan secara amnya. Unit Akaun pula bertanggungjawab dalam menguruskan perkara yang melibatkan penyediaan penyata kewangan untuk dihantar kepada Jabatan Audit Negara pada setiap tahun.

Pengurusan kewangan wakaf di Perbadanan Wakaf Selangor adalah melibatkan wakaf tunai iaitu terimaan wang dalam bentuk tunai, cek, wang pos dan bank deraf. Objektif pengurusan kewangan adalah menjana pembangunan daya urus kewangan yang cekap, tepat, teliti dan berkualiti dalam segala pengurusan kewangan dengan berpandukan standard piawaian perakaunan yang diterima umum serta mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, cekap dan jujur dalam menyelesaikan pelbagai bayaran dan kutipan secara tepat dan mengikut masa yang ditetapkan.

Seperti yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke 4/2008 yang telah bersidang pada 27 Ogos 2008 iaitu Dana Kumpulan Wang Wakaf Am akan digunakan bagi pembelian aset yang berbentuk kekal. Justeru itu,

melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke 3/2013 yang telah bersidang pada 6 Jun 2013 telah memutuskan mengenai Dasar Agihan Manfaat Sewaan yang baharu iaitu seperti di dalam Rajah 1. Hasil sewaan setelah diambil yuran pengurusan akan dibahagikan kepada dua iaitu sebanyak 50% untuk pembiayaan aset kekal bagi tujuan perbelanjaan hartanah dan baki 50% untuk dimasukkan semula ke dalam tabung Kumpulan Wang Wakaf Majlis. Manakala 70% daripada dana di dalam tabung Akaun Asas akan digunakan bagi tujuan pembangunan dan selebihnya 30% akan disalurkan kepada tujuan umum yang melibatkan kemaslahatan masyarakat Islam sepetimana dasar yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PWS Bil. 3/2011 yang telah bersidang pada 8 Jun 2011.




## Carta Bahagian Kewangan



Oleh yang demikian, dasar pengurusan kewangan dana Wakaf Am ini akan berkembang semula sebanyak 70% bagi tujuan pembangunan dan 30% pula bagi tujuan umum. Justeru itu, nilai RM1 ke atas keuntungan yang diwakafkan oleh masyarakat akan memberi nilai kepada RM0.70 kepada pembangunan dan RM0.30 kepada sumbangan umum.

Bagi memberi keselesaan dan seterusnya memudahkan pewakaf untuk berwakaf, PWS telah menyediakan perkhidmatan kaunter wakaf di Tingkat Bawah dan Tingkat 10, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam. Kaunter ini beroperasi pada jam 8.30 pagi sehingga 4.30 petang.

Rajah 1 : Dasar Agihan Manfaat Sewaan



# *Wakaf Seni*

## Mampu Mengindahkan Dunia Seni

Kesenian boleh didefinisikan sebagai usaha untuk mencipta bentuk-bentuk yang menyenangkan. Terdapat banyak cabang bidang kesenian. Masa kini, seni merujuk kepada seni yang dapat dilihat, terutamanya lukisan dan ukiran, dan fotografi. Beberapa bidang seni juga dikenali sebagai seni halus (*fine arts*), termasuk muzik, penulisan, puisi, tarian, dan pementasan teater. Cabang dari kesenian teater adalah perfileman dan animasi, dan persembahan multimedia.

Al-Farabi menjelaskan seni sebagai ciptaan yang berbentuk keindahan. Sabda Rasulullah SAW bermaksud: "Sesungguhnya Allah itu Maha indah dan sukaan kepada keindahan". Dari sudut perspektif Islam pula, Kesenian Islam meliputi hubungan manusia dengan Allah (hablun min Allah)(ibadat) dan hubungan manusia sesama manusia (Hablun minnas) (kebudayaan).

Dewasa ini, penglibatan artis yang membawa konsep Islam telah menarik minat PWS untuk menjalinkan kerjasama bagi membuka ruang kepada golongan artis untuk sama-sama menyemarakkan ibadah wakaf.

Oleh yang demikian, PWS telah memperkenalkan produk Wakaf Seni yang dilancarkan pada 21 Jun 2013 oleh Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengurus Majlis Agama Islam Selangor. Objektif produk Wakaf Seni adalah untuk menyeru golongan artis, penyanyi, pelakon, pengarah filem/drama, penulis lirik, pelukis atau mana-mana golongan dari industri

seni untuk sama-sama menghayati dan mengamalkan ibadah wakaf.

Diharap agar kumpulan sasaran produk ini iaitu penulis lirik dan pencipta lagu, penerbit filem, drama dan teater, syarikat-syarikat produksi, artis-artis (pelakon dan penyanyi) yang bernaung di bawah Persatuan Seniman Malaysia, Ahli Persatuan Pelukis Malaysia dan Ahli Persatuan Animasi Malaysia dapat bersama-sama menyumbang ke arah memperkasakan ekonomi umat Islam.



Kumpulan nasyid Inteam telah mewakafkan RM5.00 bagi setiap penjualan unit album "Iman & Aman"



# Keistimewaan BERWAKAF

Wakaf ialah salah satu ibadah menyerahkan harta yang kita miliki untuk kegunaan umum masyarakat dengan niat sebagai ibadah mendekatkan diri kepada Allah SWT. Contoh amalan wakaf ialah apabila baginda Rasulullah SAW membina Masjid Quba' yang dibina di atas tanah yang diwakafkan ketika penghijrahan baginda dan para sahabat ke Madinah. Begitu juga dengan pembinaan Masjid Nabawi di Madinah yang juga dibina dengan sumber wakaf.

Dalil pensyariatan wakaf di dalam menggalakkan umat Islam menyumbangkan hartanya untuk manfaat umat Islam terdapat pada firman Allah SWT pada ayat 92, Surah Ali Imran yang bermaksud "*Kamu tidak sekali-kali dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahui.*"

Allah SWT berfirman lagi dalam Surah Al-Baqarah Ayat 261 yang maksudnya "*Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.*"

Wakaf juga dikenali sebagai Sedekah Jariah, para Ahli Fiqh dan ulama' berpendapat amalan wakaf adalah satu-satunya ibadah yang berbentuk sedekah jariah yang menjanjikan ganjaran pahala yang berkekalan dan mengalir kepada pewakaf hingga ke hari akhirat selagi harta tersebut kekal dan dimanfaatkan. Malahan amalan wakaf ini juga bukan hanya sebagai satu ibadah sahaja, malahan merupakan satu sistem yang berpotensi untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat Islam melalui konsep pengumpulan harta bersama.

Sesungguhnya dengan berwakaf akan mendatangkan pelbagai manfaat dan keistimewaan kepada pewakaf. Keunikan wakaf pada konsep pemisahan di antara hak pemilikan dan faedah penggunaannya. Pewakafan harta menyebabkan kuasa pemilikan hartanya akan terhapus daripada harta tersebut. Wakaf secara prinsipnya adalah satu kontrak berkekalan dan pewakaf tidak boleh lagi memiliki harta itu dengan apa jua sekalipun, kecuali sebagai pengurus harta wakaf.

Mewakafkan harta yang disayangi dapat mengikis sifat perasaan kedekut dan bakhil terhadap harta. Secara tidak langsung dapat mendidik jiwa seseorang itu menjadi pemurah, tidak mementingkan diri sendiri, menanam sifat bertimbang rasa, kasih mengasihi sesama insan lain, mengeratkan hubungan silaturrahim, menjauhkan diri daripada sifat tamak dan akhirnya untuk mencapai keredhaan Allah SWT.

Selain itu, wakaf juga dapat memberi peluang kepada orang-orang yang tidak mempunyai anak atau zuriat untuk mempelbagaikan bentuk kebajikan dengan mewakafkan harta lebihan mereka dan barang kesayangannya demi membantu insan lain yang lebih memerlukan dan berhak ke atas harta tersebut. Ini bermakna hartanya itu akhirnya dapat dikongsi oleh masyarakat umum dan dapat dimanfaatkan secara berpanjangan.

Lebih daripada itu, wakaf memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi umat Islam yang dapat menjamin keselamatan sosial masyarakat. Harta diagih dan dimanfaat secara bersama. Seterusnya ia dapat membantu kerajaan dalam membangunkan negara. Dari aspek pendidikan pula, wakaf dapat membantu institusi pendidikan melalui sumbangan aset atau dalam bentuk wakaf tunai. Universiti Al-Azhar Mesir adalah salah satu contoh pendidikan wakaf yang telah berjaya memberi sumbangan yang besar kepada umat Islam.



## KARNIVAL **mahabbah** Sempena Bulan Wakaf Selangor **2013**

Karnival Mahabbah IKIMfm Sempena Bulan Wakaf Selangor 2013 adalah sebuah program yang julung kali diadakan oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Hasil kerjasama yang erat dengan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Institut Pembangunan Pengurusan Johor (IPPJ) karnival ini telah berjaya dilaksanakan bermula pada 21 Jun 2013 sehingga 23 Jun 2013 bertempat di Bulatan Bazarena, Stadium Malawati, Shah Alam. Bank Rakyat dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) pula telah berbesar hati menjadi penaja utama untuk program karnival pada kali ini.

Kerjasama antara PWS dan IKIMfm ini telah memberikan impak yang besar dari segi pendedahan kepada masyarakat akan peranan PWS dalam menjana ekonomi ummah. Selain itu juga, ianya memberi kelainan pendekatan dakwah kepada pelbagai lapisan masyarakat dan peringkat umur disamping menjadi medium menyampaikan maklumat mengenai PWS dan produk-produk yang ditawarkan oleh PWS.

Antara objektif utama karnival ini diadakan adalah bagi menambah jaringan kerjasama sedia ada dan menjadikan PWS sebagai salah satu rangkaian 'Corporate Social Responsibility' (CSR) kepada syarikat-

syarikat termasuk Anak Syarikat Kerajaan Negeri dan usahawan-usahawan kecil yang terdapat di Negeri Selangor.

PWS dan IKIMfm telah menjalankan beberapa program yang dirangka khas untuk para pengunjung karnival. Pada hari pertama karnival telah diadakan Pertandingan Choral Speaking antara sekolah-sekolah menengah dengan tema "Nilai-Nilai Murni Dalam Hidup". Sebanyak enam buah sekolah telah mengambil bahagian dalam pertandingan kali ini dan Sekolah Menengah Agama Sultan Hishamuddin Kampung Jawa telah dinobatkan sebagai juara dalam pertandingan tersebut.



Manakala pada malam tersebut PWS telah mengadakan Majlis Perasmian Bulan Wakaf Selangor 2013 serta pelancaran produk terbaru PWS iaitu Produk Wakaf Seni. Majlis penuh gemilang ini telah berlangsung di pentas utama karnival pada jam 8.45 malam dan dirasmikan oleh Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengurus Majlis Agama Islam Selangor.

Para pengunjung yang hadir juga telah diperdengarkan lagu rasmi PWS bertajuk "Wakaf Membangun Ummah" yang disampaikan oleh kumpulan nasyid Inteam. Bagi menyokong produk terbaru keluaran PWS, pihak InTeam Record telah mewakafkan sebanyak RM5.00 daripada hasil penjualan setiap unit album terbaru keluaran mereka berjudul "Iman & Aman".

**Bagi menyokong produk terbaru keluaran PWS, pihak InTeam Record telah mewakafkan sebanyak RM5.00 daripada hasil penjualan setiap unit album terbaru keluaran mereka berjudul "Iman & Aman".**

Sejurus selepas majlis perasmian dan pelancaran, Program Santai Diskusi Bersama Artis disiar secara langsung melalui Radio IKIMfm. Program ini dimoderatorkan oleh Penyampai IKIMfm dan menampilkan Duta Wakaf PWS Ustaz Don Daniyal Bin Don Biyajid dan selebriti terkenal Diana Amir.





Bagi memeriahkan hari kedua karnival PWS telah mengadakan Pertandingan Bayi Comel dan Sihat serta Lelongan Amal Barang Artis. Seramai 30 orang peserta telah menyertai pertandingan ini dengan bayaran penyertaan sebanyak RM10.00 dan bayaran tersebut disumbangkan kepada PWS sebagai wakaf. Sementara menanti pemenang diumumkan telah diadakan program Lelongan Amal Barang Artis dan mendapat sambutan hangat daripada pengunjung karnival. Hasil daripada lelongan tersebut juga diserahkan kepada pihak PWS sebagai hasil kutipan wakaf.

Pada petang hari kedua karnival, PWS telah menganjurkan Pameran Automotif bermula dari jam 5.00 petang hingga jam 6.30 petang. Penyertaan terdiri daripada Kelab Retro 1Malaysia, My Alza Owner Club (MAOC) Cawangan Selangor dan Kelab Volkswagen Selangor (*Aircooled Volkswagen Club*). Program telah dimeriahkan dengan pertandingan motorsikal klasik

yang dikelolakan oleh pihak Kelab Retro 1Malaysia. Pemilik-pemilik kenderaan pameran automotif telah berbesar hati menyampaikan sumbangan ikhlas untuk dana Wakaf PWS. Hasil sumbangan wakaf diserahkan kepada Timbalan Pengurus PWS Y.Bhg. Dato' Haji Ibrahim bin Md. Yusof.

Antara program yang telah dikelolakan oleh pihak IKIMfm pula ialah seperti Pertandingan Permainan Tradisi Orang Melayu seperti congkak, batu seremban dan lain-lain. Demo masakan daripada selebriti rancangan Master Chef, Pertandingan dekorasi kek oleh kanak-kanak, Pertandingan Mewarna Upin Ipin, program dari konti ke pentas, Konsert Mahabbah IKIM bersama Ramli Sarip, Program Maulid@IKIMfm yang dipersembahkan oleh Kumpulan UNIC dan Far East dan pelbagai lagi program-program yang menjana pembentukan sahsiah diri terutamanya para pengunjung.

PWS mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada IKIM, IPPJ, Bank Rakyat dan PKNS sebagai penaja utama, Majlis Bandaraya Shah Alam, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor dan semua pihak yang memberikan kerjasama secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program Karnival Mahabbah IKIMfm Sempena Bulan Wakaf Selangor Tahun 2013.

Semoga kerjasama dengan IKIMfm ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang dengan objektif memberikan pendedahan kepada masyarakat akan peranan PWS dalam menjana ekonomi ummah. Dengan penganjuran karnival seperti ini dapat memberikan kelainan pendekatan dakwah kepada masyarakat disamping menjadi platform penyebaran maklumat mengenai PWS dan produk yang ditawarkan oleh pihak PWS.





# AKTIVITI PEMASARAN KORPORAT



Dalam usaha untuk memperkasakan amalan wakaf di Negeri Selangor ini, PWS telah menjalankan pelbagai bentuk program untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan amalan wakaf dalam kehidupan. PWS optimis dan percaya bahawa amalan wakaf yang dilaksanakan mampu untuk menjadi suatu pemangkin kepada pemacuan ekonomi umat Islam sepetimana yang berlaku di kebanyakan negara Islam seperti Mesir, Oman, Kuwait dan lain-lain. Malah universiti yang tertua di dunia iaitu Universiti Al-Azhar di Mesir merupakan institusi wakaf yang masih lagi kekal sehingga kini. Justeru bertitik tolak kepada kejayaan tersebut ia menjadi inspirasi kepada PWS untuk menjayakan agenda Wakaf di negeri Selangor ini khususnya.

Oleh itu, Unit Korporat Bahagian Pemasaran dan Dakwah telah menjalankan pelbagai aktiviti khususnya kepada golongan korporat seperti kunjungan hormat serta taklimat wakaf dan lawatan kerja ke Industri Kecil Sederhana (IKS) yang terdapat di dalam Negeri Selangor.

Antara syarikat korporat dan IKS yang telah dikunjungi dalam program ini ialah Sinar Harian, DRB-Hicom, Faber Group Berhad, MHP Enterprise dan lain-lain lagi. Program ini dijalankan adalah untuk memberikan taklimat dan mengajak golongan-golongan korporat serta IKS untuk sama-sama melaksanakan tuntutan amalan wakaf ini dengan mewakafkan sebahagian keuntungan yang diperolehi melalui Saham Wakaf Selangor.

Alhamdulillah, PWS telah mendapat kerjasama yang baik daripada syarikat-syarikat korporat dengan menyertai Skim Infaq (potongan gaji). Semoga dengan program seumpama ini akan diteruskan untuk masa akan datang dan sentiasa mendapat rahmat dari Allah SWT. Oleh itu, PWS sangat berbesar hati dan mengalu-alukan badan-badan korporat, syarikat multinasional serta IKS yang berhasrat untuk mewakafkan sebahagian keuntungan perniagaan. Diharapkan dengan keberkatan amalan wakaf ini, segala sumbangan wakaf yang diberikan akan mendapat ganjaran yang terbaik di sisi Allah SWT di dunia dan di akhirat.



Kunjungan Hormat ke DRB - Hicom

# Pemantauan TANAH WAKAF

Objektif Bahagian Penyelidikan dan Pelaburan adalah berusaha meningkatkan, memperkasa dan menambah nilai harta wakaf di negeri Selangor melalui kaedah penyelidikan, pengurusan dan pembangunan yang mampu dengan menggunakan sumber wakaf secara efektif.

Pemantauan yang dibuat ialah mengukur dan memastikan keluasan tanah yang diwakafkan dari pewakaf. Selepas kerja-kerja ukur tanah ini selesai, pihak PWS akan menilai keluasan tanah tersebut untuk disewakan dengan sewaan yang berpatut untuk manfaat orang Islam.

Kerja-kerja pengukuran yang dibuat keatas tanah-tanah wakaf Perbadanan Wakaf Selangor adalah penting untuk menentukan lokasi tanah, kedudukan tanah, sempadan tanah dan keluasan tanah wakaf. Ia merangkumi kerja-kerja tinjauan, mencari datum tanah dan kerja pengukuran untuk menandakan semula sempadan tanah. Datum tanah ialah batu sempadan tanah ataupun apa-apa titik yang diketahui nilai koordinatnya contohnya seperti titik yang mempunyai nilai hasil dari cerapan GPS (*Global Positioning System*).

Pelan Akui lot tanah yang hendak diukur perlu diperolehi daripada Jabatan Ukur Dan Pemetaan terlebih dahulu. Melalui Pelan Akui ini, data-data yang diperlukan akan didapati seperti lokasi, koordinat, kedudukan tanda sempadan, bearing dan jarak.

Tinjauan ke atas tanah wakaf yang hendak diukur akan dibuat. Tinjauan ini bertujuan untuk melihat lokasi tanah wakaf, mengesan kedudukan sempadan dan tanda sempadan. Kerja-kerja tinjauan ini amat membantu untuk membuat perancangan ukur.

Pengukuran dimulakan dengan mencari tanda sempadan tanah sebagai datum. Alat penentu kedudukan mudah alih (GPS) amat membantu dalam mengesan tanda sempadan. Sempadan tanah akan dibersihkan dan tanda sempadan yang dijumpai dicat dengan warna merah. Tanda sempadan yang hilang atau tidak dijumpai, ia akan ditanda dengan kayu.

Selepas kerja pengukuran selesai, pelan tanah wakaf tersebut akan dikeluarkan dan pegawai sewaan akan menilai tanah tersebut untuk menentukan kadar sewaan.



Pegawai Agama Islam Daerah dan Pegawai PWS sedang berbincang mengenai lokasi tanah wakaf




Pegawai PWS sedang melakukan kerja-kerja pengukuran dijalankan di atas tanah wakaf





# Soal Jawab Wakaf



## Soalan 1:

Apakah syarat-syarat yang membolehkan seseorang itu berwakaf?

## Jawapan:

Bagi menjadikan wakaf ini sah dari segi syarak pewakaf tersebut disyaratkan:

1. Beliau adalah seorang yang merdeka, baligh dan berakal. Wakaf seorang hamba tidak sah kerana hamba tiada hak milik bahkan dirinya sendiri adalah harta yang dimiliki oleh tuannya.
2. Berkelayakan untuk bersedekah. Orang yang dihalang untuk berbelanja kerana tidak siuman atau muflis tidak sah mewakafkan harta.
3. Sukarela. Tidak sah wakaf orang yang dipaksa kerana syarat sukarela adalah antara syarat taklif.  
(Rujukan : Kitab Al-Fiqh Al-Manhaji, Bab Wakaf)

## Soalan 2:

Assalamualaikum. Saya Amar Shahid Bin Ghazali dari Subang. Saya ingin bertanya satu soalan kepada pihak Perbadanan mengenai saham wakaf untuk orang yang telah meninggal dunia. Baru-baru ini, waris si arwah banyak mendapat wang dari agensi-agensi insurans. Persoalannya, adakah sebahagian daripada wang tersebut boleh diwakafkan untuk si mati? Mohon penjelasan dan nasihat daripada Perbadanan. Terima kasih.

## Jawapan:

Wa'alaikumsalam. Untuk makluman Encik Amar Shahid, duit insurans tersebut jika telah difaraidkan kepada waris, maka bolehlah waris-waris berpaket dari bahagian masing-masing untuk sebahagiannya diwakafkan bagi tujuan jariah si arwah. Insya Allah berkat dan pahalanya sampai berdasarkan hadis Rasulullah SAW;  
Dari Abu Hurairah Radhiallahu 'Anhu, katanya yang bermaksud:

*"Bahawa ada seorang laki-laki berkata kepada Nabi Shallallahu 'Alaihi wa Sallam: "Sesungguhnya ayahku sudah wafat, dia meninggalkan harta dan belum diwasiatkannya, apakah jika disedekahkan untuknya maka hal itu akan menghapuskan kesalahannya? Rasulullah Shallallahu 'Alaihi wa Sallam menjawab: Na'am (Ya)." (HR. Muslim No. 1630, Ibnu Majah No. 2716, An Nasa'i No. 3652, Ahmad No. 8486)*

# Cara Menyertai Saham Wakaf Selangor

**Kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk menyertai Saham Wakaf Selangor :**

- **Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), MAIS**

Tingkat 10, Menara Selatan,  
Bangunan Sultan Idris Shah,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

- **Kaunter Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), MAIS**

Tingkat Bawah, Menara Selatan,  
Bangunan Sultan Idris Shah,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.



**24 Kaunter Lembaga Zakat Selangor, MAIS di seluruh Selangor**

- **Skim Infaq (Potongan Gaji)**

Kakitangan Kerajaan Negeri, Persekutuan, Badan Berkanun, Anak-anak Syarikat dan Swasta

- **Ejen Penerangan Dan Terimaan Sumbangan (Ejen Penerangan Individu atau Korporat)**

(lajari [www.wakafselangor.gov.my](http://www.wakafselangor.gov.my) untuk senarai ejen)

- **Portal e-MAIS**

[www.wakafselangor.gov.my](http://www.wakafselangor.gov.my)

- **BANK ISLAM**

No. Akaun  
**12-038-01-010810-6**



● No. Akaun  
**5621-0662-4154**

- **Auto Debit**

Hubungi Ustaz Nasrun Ahmad (03-5514 3758)  
atau email ke [nasrun@wakafselangor.gov.my](mailto:nasrun@wakafselangor.gov.my)  
untuk maklumat lanjut.

-  No. Akaun

**10100-41-00021290-7**

-  **RHB ◆ IslamicBank**

No. Akaun  
**2125-2360-0009-15**



No. Akaun  
**1261-0001-4871-09**

- Penyertaan melalui cek / money order / postal order hendaklah di atas nama  
**'PERBADANAN WAKAF SELANGOR'**

## **TANAH UNTUK DISEWA 2013**

Bil.	No. HM	No. Lot	Mukim / Tempat	Luas Tanah Wakaf	Kegunaan Tanah
<b>Daerah Gombak</b>					
1.	GM 427	46208	Batu (Jalan Sungai Tua, Ulu Yam)	2.7849 E	Pertanian
<b>Daerah Kuala Selangor</b>					
2.	GM 1351	1300	Jeram	0.4251 E	Pertanian
3.	GM 264	111	Pasangan	0.2688 E	Pertanian (Kolam Ikan)
4.	GM 995	2002	Pasangan	0.6127 E	Pertanian
<b>Daerah Klang</b>					
5.	GM 7031	26457	Rantau Panjang (Jalan Shapadu)	1.004 E	Pertanian

## **PREMIS UNTUK DISEWA 2013**

No.	Alamat	Jenis	Kadar Sewa	Keluasan
1.	No. 58 - Jalan Tengku Badar, Perlabuhan Klang, 42000 Klang, Selangor (Ground Floor)	Lot Kedai / Pejabat	RM1,500 sebulan	1,400 Kaki Persegi

Untuk maklumat lanjut berkenaan sewaan, boleh menghubungi **Encik Mohd Huzairi Bin Hamdan** di talian **03-55143758** atau emel **huzairi@wakafselangor.gov.my**

# Galeri PWS



**1 2** Perbadanan Wakaf Selangor telah mengadakan kunjungan hormat bertemu Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Yayasan Al-Bukhary Kuala Lumpur pada 1 November 2013. Tujuan kunjungan hormat ini diadakan adalah untuk memohon pandangan dan idea bagi memperkasakan wakaf di Selangor khususnya dan Malaysia khasnya.



**3 4** Klinik Bergerak hasil usaha sama Bank Muamalat dan Perbadanan Wakaf Selangor melalui Wakaf Selangor-Muamalat telah bersedia memberikan khidmatnya kepada masyarakat yang memerlukan. Operasi Klinik Bergerak ini akan dijalankan oleh Kumpulan Perubatan Johor (KPJ).

**5** En. Indra Shahril menyampaikan hamper kepada peserta Pameran Automotif Kategori Volkswagen bersempena Karnival Mahabbah Ikim.fm.



**6** Gelagat bayi-bayi yang menyertai Pertandingan Bayi Comel & Sihat di Karnival Mahabbah Ikim.fm

**7** Kakitangan PWS bergambar kenangan pada hari terakhir Kursus Pengukuhan Diri Ke Arah Kecemerlangan Organisasi yang diadakan di Felda Residence Tekam, Jerantut, Pahang pada 13 - 15 September 2013.





**8** Penolong Eksekutif Pemasaran & Dakwah PWS, Ustaz Haji Nasrun Ahmad menerima cenderahati daripada Encik Azizul Azhan Hussain, Pensyarah UiTM Dungun, Terengganu.



**9** Rombongan daripada Majlis Agama Islam Pulau Pinang bergambar kenangan ketika mengadakan kunjungan hormat ke PWS pada 6 September 2013.

**10** Siri Jelajah Penerangan Wakaf bersama Duta Wakaf PWS, Ustaz Don Daniyal Don Biyajid telah berlangsung di Masjid At-Taqwa, Kg Batu 38, Sabak Bernam pada 18 Oktober 2013.



**11** Sebahagian daripada tetamu yang hadir semasa siri Jelajah Penerangan Wakaf di Masjid At-Taqwa.



**12** PWS telah membuka kaunter wakaf sempena JAWHAR Intellectual Discourse pada 12 November 2013 bertempat di Auditorium EA, Kompleks E, Putrajaya.

**13** Eksekutif Pemasaran & Dakwah PWS, Ustaz Ibnu Hubain Abdul Aziz menjadi tetamu jemputan dalam Segmen Tajana di Radio Ikim.fm yang disiarkan secara langsung pada 5 Julai 2013.



**14** Y.Bhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abd Rahman Arshad, Pengurus Wakaf Selangor-Muamalat (dua dari kiri) telah menyampaikan sumbangan Al-Quran dan Buku Iqra untuk Sekolah Rendah Agama Kampung Perepat, Klang.



**15** Emas yang diwakafkan oleh pewakaf menerusi produk Wakaf Emas yang diperkenalkan oleh PWS pada 10 April 2013. Kini, umat Islam boleh berwakaf dalam bentuk emas di PWS.

# WAKAF

## Keuntungan Berganda Dunia Akhirat



Sabda Rasulullah S.A.W. :

"Harta yang kamu makan akan habis, harta yang kamu pakai akan usang, tetapi harta yang kamu sedekahkan akan menjadi tabunganmu."

Hadis Riwayat Muslim

***Ustaz Don Daniyal Don Biyajid***  
**Duta Wakaf,**  
**Perbadanan Wakaf Selangor**



ISSN 2269-2677

9 772289 267007

Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS,  
Tingkat 10, Menara Selatan,  
Bangunan Sultan Idris Shah,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-5518 8001 / 03-5514 3758  
Faks : 03-5514 3759  
Email : wakaf@wakafselangor.gov.my  
Web : www.wakafselangor.gov.my  
FB : facebook.com/PWSmais